

92% setuju peraturan khusus untuk vape

92% setuju peraturan khusus untuk vape

PETALING JAYA: Sebanyak 92 peratus daripada 1,000 responden dalam tinjauan *Tax and Regulate MY Vape: Your Say* bersetuju bahawa satu peraturan khusus untuk produk rokok elektronik (vape) perlu dibangunkan dengan bentuk kawalan berbeza berbanding rokok tembakau.

Tinjauan yang dijalankan Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA) itu berkata, majoriti rakyat Malaysia mahukan peraturan seperti yang telah dijalankan di negara-negara seperti United Kingdom (UK) dan New Zealand.

Malah, tinjauan tersebut



RIZANI ZAKARIA

turut mendapati, 92 peratus responden bersetuju kerajaan harus memastikan pasaran gelap produk vape berada pada tahap minimum.

Presiden MVIA, Rizani Za-

karia berkata, industri vape dilihat sebagai antara inovasi yang memberi kesan kepada sektor tembakau kerajaan berjuta perokok di seluruh dunia beralih kepada produk vape memandangkan ia terbukti sebagai alternatif yang kurang mudarat dan berkesan membantu perokok berhenti merokok.

“Di Malaysia, industri tempatan bernilai lebih RM2 bilion dengan lebih 3,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta melibatkan kira-kira 15,000 pekerja.

“Sektor vape memerlukan undang-undang khusus yang berbeza daripada rokok tradis-

ional,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Rizani, peraturan yang berbeza dengan rokok tradisional membolehkan sektor vape memenuhi potensi pertumbuhannya dan membantu lebih ramai perokok berhenti merokok.

“MVIA percaya bahawa kerajaan Malaysia mempunyai peranan penting dalam membentuk masa hadapan industri vape tempatan,” katanya.

Selain itu, tinjauan tersebut turut mendapati 75 peratus responden mahu kerajaan terlibat secara aktif dalam mengawal selia industri vape.